



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BAHAGIAN HAB HALAL**

---

**PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2016**

---

**PERLABELAN BAHAN MENTAH/ PRODUK YANG DIBEKAL/ DIBELI SECARA  
PUKAL DARIPADA INDUSTRI KEPADA INDUSTRI**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keperluan melabelkan bahan mentah/produk yang dibekal/ dibeli secara pukal daripada industri kepada industri. Syarikat yang membekal/ membeli produk secara pukal perlu memastikan terdapat label bagi memudahkan proses pengesanan status halal bahan mentah/ produk tersebut.

**LATARBELAKANG**

2. Proses pengauditan pensijilan halal Malaysia amat mengambil berat aspek pengesanan (*traceability*) status halal bahan mentah/ produk yang digunakan oleh setiap pemohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM). Di antara aspek pengesanan (*traceability*) yang penting adalah bahan mentah/ produk yang digunakan di dalam pemprosesan produk mestilah sama sepertimana bahan mentah/ produk yang diisytiharkan melalui borang permohonan Pensijilan Halal Malaysia. Oleh yang demikian, pelabelan bahan mentah/ produk adalah amat penting bagi tujuan menentukan status halal dan pengeluar bahan mentah/ produk.

3. Pegawai Audit di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sering kali berdepan dengan masalah ketika menjalankan pengauditan lapangan khususnya bagi membuat pengesanan status halal bahan mentah/ produk yang tidak mempunyai sebarang label terutamanya bahan mentah/ produk yang dibekal/ dibeli secara pukal. Situasi ini menjadi

bertambah sulit apabila pihak syarikat/ pemohon gagal mengemukakan sebarang dokumen bagi membuktikan status bahan mentah/ produk tersebut.

4. JAKIM dan JAIN sebagai pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan pensijilan halal Malaysia perlu memastikan setiap produk yang dipersijilkan mematuhi setiap prosedur yang telah disyaratkan. Oleh yang demikian, pihak syarikat/ pemohon perlu memastikan bahan mentah/ produk yang dibekal/ dibeli secara pukal atau dalam kuantiti yang besar perlu mempunyai label bagi memudahkan pengesanan status halal oleh Pegawai Audit JAKIM dan JAIN.

## PELAKSANAAN

### 5. Keperluan

- i. Selaras dengan peruntukan Klausa 5.3 (i) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 (MPPHM 2014), **semua produk keluaran pemegang SPHM hendaklah mempunyai label yang jelas pada pembungkusannya** bagi mengelakkan sebarang kekeliruan.
- ii. Sehubungan dengan itu juga, semua bahan mentah/ produk yang dibekal/ dibeli secara pukal atau dalam kuantiti yang besar perlu mempunyai label daripada syarikat pengeluar bagi memudahkan pengesanan (*traceability*) semasa proses audit lapangan dijalankan. Label tersebut perlulah sekurang-kurangnya mempunyai maklumat berikut;
  - a. logo halal;
  - b. nama bahan mentah/ produk;
  - c. nama pengeluar; dan
  - d. tarikh pengeluaran.

### 6. Pihak Yang Terlibat

- i. Pekeliling ini terpakai kepada pihak-pihak berikut;
  - a. pengilang/ pengeluar;
  - b. pengedar;
  - c. *repacker*;
  - d. pengilang kontrak; dan
  - e. rumah sembelih.

## TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **2 Februari 2016** dan semua syarikat/ pemohon pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi dan mengambil maklum berkenaan pelaksanaan pekeling ini.

8. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan perkara (2), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



**(DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

30 Januari 2016